



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **6 Aug2021 (Friday)**

Berita Harian

Bantuan zakat untuk artis, kru 1

Utusan Malaysia

Kuzaini urus 19 jenazah Covid-19 sebelum meninggal 2

Harian Metro

Dedikasi Pak Ngah diingati 3

Bantuan LZS cukup memadai : Man Kidal 4

Kosmo

Segerakan perbicaraan kes rasuah - Sultan Selangor 5

JAIS digesa siasat kes kartel jenazah Covid-19 6

Pengendali urusan jenazah Covid-19 meninggal dunia 7

Aksi import bantu TFC menang 8

Sinar Harian

Pegawai khas urus jenazah Covid meninggal 9

Kaut untung caj mahal urus jenazah Covid-19 10

Ketetapan baharu JAIS isu jenazah disambut baik 11

Tular lelaki warga asing pakai gelang kuarantin ke tempat kerja 12

Astro Awani

Jangan Layan Alasan Tangguh Kes Rasuah 13

Nasional FM (87.7)

Perbicaraan Kes Rasuah Harus Disegerakan 14

The Star

Risky stretch on jalan sungai long needs urgent repair 15

FEEDBACK NEEDED 16

Platform allows interaction to continue safely with ease 17

Sultan: Let justice be swift in graft cases 18

The Edge CEO Morning Brief

Selangor Sultan: Speed up trials on corruption cases 19

Traxx FM (90.3)

About 71.2 Percent Of Selangor Population Has Receive Vaccine 20

TV3

SIBS 2021 : Selangor Aims To Become Hub For Foreign Investors 21

China Press

Cempaka Village pasar closed and disinfected after 8 workers were diagnosed with Covid-19. 22

Coffin cars came one after another. . . 23

40 corpses were buried in the cemetery within a day . 24

Selangor government is focused on fighting the pandemic and does not forget to help the poor. 24



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Woman recovered from Covid-19. She cancelled 3 vaccination appointments due to concerns about side effects and was finally vaccinated.	25
Sin Chew Daily	
MPK still perform their duties during pandemic period, solved 75% complaints from the people's livelihood in this year	26
To coincide with the arrival of National Day, MPS urges people to hang national flag to show heart of patriation	27
MPSp incinerator was start operate, expected can handle 6 dead body per day	28
Nanyang Siang Pau	
Klang cases approach 3,000 in a single day and 96% cannot be traced to source, one county "beats" 8 states	29
Guang Ming Daily	
Fighting against an invisible enemy; Yu Shen En's vigilant battle against covid-19	30
State government allocates RM17.5m to provide Sim cards; Free internet for 70k people in Selangor	31



KERATAN AKHBAR
6 August 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bantuan zakat untuk artis, kru
Muka Surat	:	42

Bantuan zakat untuk artis, kru

LZS prihatin kesempitan hidup penggiat seni sejak pandemik

Oleh Fatin Farhana Ariffin
 fatin.farhana@bh.com.my

Bantuan kewangan dan keperluan asas yang dihulurkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada gitaris legenda, Man Kidal, 57, membuktikan keprihatinan badan itu meringankan beban penggiat seni tempatan, tanpa mengira selebriti dikenali ramai atau petugas belakang tabir.

Man Kidal yang sebelum ini disahkan positif COVID-19, diberi status asnaf sementara bagi membolehkan pemuzik itu yang terputus mata pencarian sejak lebih setahun lalu akibat pandemik, bangkit semula apabila kesihatannya pulih.

Bukan sekadar Man Kidal, LZS juga sudah membantu ramai penggiat seni seperti pelakon, Allahyarham Tawil yang menerima bantuan pembiayaan sebanyak RM35,000 untuk memiliki kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Aman di ibu negara.

Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini, berkata ramai selebriti termasuk kru dibantu tanpa mengira latar belakang.

"Untuk mendapatkan jumlah selebriti dan penggiat seni yang sudah dibantu LZS agak sukar. Dalam data simpanan, kami tidak mengasingkan penerima bantuan mengikut profesion.

"Namun, apa yang boleh saya katakan, penerima bantuan dari

pada sektor seni membabitkan pelbagai latar belakang seperti pemuzik, pelawak, pelakon, kru belakang tabir dan sebagainya.

"Baru-baru ini, LZS membantu seorang ahli kumpulan nasyid tempatan dan pemuzik dari sebuah kumpulan rock.

"Apa yang dibantu sama ada dari segi keperluan hidup seperti makanan dan wang atau perubahan bagi yang berpenyakit," katanya kepada *HIP*.

Mohd Sabirin berkata, bagi mematuhi prosedur sebelum bantuan dihulur, pihaknya membuat siasatan bagi memastikan penerima mematuhi syarat ditetapkan.

"Seperti Man Kidal, sebelum ini, beliau ada pekerjaan dan menjana pendapatan melalui persembahan dan sebagainya.

"Namun, disebabkan pandemik, pendapatan Man Kidal terjejas. Jadi, baru-baru ini, pasukan kami berkunjung ke rumahnya dan mendapati beliau memerlukan bantuan.

"Kami hulurkan bantuan keemasan RM500 dan barangan keperluan asas kepadanya," katanya.

Pada kunjungan itu, Mohd Sabirin berkata, pegawai meneliti semua keperluan Man Kidal dan keluarga sebelum bantuan tetap diagihkan.

"Sebelum kami memutuskan bantuan, kami buat taksiran dan melihat apakah beliau layak dikategorikan sebagai asnaf atau pun tidak.

"Selepas ditaksir pendapatan dan tanggungannya, Man Kidal diberi bantuan mengikut kelayakannya," katanya.

Mohd Sabirin menjelaskan, LZS menggunakan garis kemiskinan mengikut had kifayah sebagai kayu pengukur sama ada individu terbahagi fakir atau miskin.

Contohnya, bagi mengiktiraf seseorang itu fakir atau miskin,



Petugas LZS ketika menghantar barangan keperluan ke rumah Man Kidal, namun tidak bersempua kerana gitaris legenda itu masih dalam kuarantin sendiri. (Foto ihsan LZS)

pertamanya, LZS perlu melihat pendapatan isi rumah iaitu pendapatan keseluruhan suami dan isteri.

"Kemudian, LZS akan lihat jumlah tanggungan. Pengkelasan

Penerima bantuan daripada sektor seni membabitkan pelbagai latar belakang seperti pemuzik, pelawak, pelakon, kru belakang tabir dan sebagainya



Mohd Sabirin Mohd Sarbini, Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS

sesebuah isi rumah bagi menentukan sama ada mereka fakir atau miskin adalah berbeza antara keluarga. Ini bergantung kepada had kifayah dan bilangan isi rumah.

"Secara umum, di Selangor ini had kifayah adalah RM2,734 iaitu pendapatan bagi pasangan yang mempunyai tiga anak.

"Jika pendapatan kurang daripada nilai itu, kami perlu lihat jumlah tanggungannya. Contohnya, jika anak hanya seorang, dia tidak layak.

"Dia hanya layak apabila seorang ketua keluarga itu mempunyai tiga atau empat anak," katanya sambil menjelaskan pengkelasan terhadap asnaf fakir dan asnaf miskin juga berbeza.

Mohd Sabirin berkata, sejak penularan pandemik COVID-19, lebih ramai individu termasuk yang dahulunya bergaji besar, memohon bantuan LZS.

"Sekarang, golongan miskin bertambah miskin. Bukan itu sahaja, ramai individu yang gajinya

dipotong, dibuang kerja dan sebagainya, memohon bantuan LZS.

"Disebabkan itu, ketika pandemik COVID-19 ini, kami memberi fokus kepada golongan bukan fakir dan miskin.

"Sebelum ini, kami beri fokus kepada golongan B40. Tetapi sekarang, kami mula beri tumpuan kepada golongan M40.

"Sejak pandemik, kami terima permohonan daripada kumpulan M40 yang sebelum ini memiliki pendapatan tinggi dan berpangkat besar tetapi diberhentikan kerja," katanya.

Mohd Sabirin berkata, dalam memberi pertimbangan, pegawai LZS tidak melihat situasi permohonan sebelum pandemik COVID-19.

"Kami lihat apa keperluan pemohon sekarang. Tidak saya nafikan, kami menerima banyak komen yang bertanya mengapa LZS menghulurkan bantuan kepada tuan punya rumah besar. Mereka tidak tahu, golongan itu tidak mendapat gaji langsung," katanya.



KERATAN AKHBAR

6 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kuzaini urus 19 jenazah Covid-19 sebelum meninggal
Muka Surat	:	24

Kuzaini urus 19 jenazah Covid-19 sebelum meninggal

CYBERJAYA: Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Kuzaini Hamidon, 47, yang meninggal dunia di Hospital Putrajaya, semalam pernah mengendalikan 19 jenazah Covid -19.

Allahyarham yang juga pegawai khas mengendalikan pengurusan jenazah Covid-19 berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi', Cyberjaya 10, dimasukkan ke hospital selepas rebah di kediamannya di Puchong Perdana semalam.

Bagaimanapun, Allahyarham disahkan meninggal dunia akibat kegagalan fungsi organ pada 2.45 pagi tadi ketika menerima rawatan .

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Datuk Abd. Hamid Hussain berkata, Allahyarham seorang pegawai yang berdedikasi dan komited dengan kerjanya sejak mula bertugas di MPSepang sejak tahun 2012.

Menurutnya, Allahyarham diberikan tugas khas untuk mengendalikan pengurusan jenazah Covid-19 berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi' membabitkan jenazah pesakit Covid-19 dari-



KUZAINI HAMIDON

pada Hospital Kajang, Hospital Serdang dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM).

“Sejak diberikan tugas khas itu, Allahyarham sempat menguruskan 19 jenazah bermula Sabtu lalu.

“Pemergian Kuzaini adalah satu kehilangan besar kepada MPSepang dan seluruh warga pihak berkuasa tempatan (PBT) ini,” katanya.

Allahyarham, meninggalkan isteri, Nor Azean Ahmad, 44, dan tiga orang anak.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
6 August 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dedikasi Pak Ngah diingati
Muka Surat	:	10

Oleh Samadi Ahmad
 am@hmetro.com

Putrajaya

“Pak Ngah antara individu yang banyak membantu menguruskan jenazah mangsa Covid-19. Tidak sangka dia ‘pergi’ mengejut pagi tadi (semalam) akibat kegagalan fungsi organ,” ujar Ain Nur Syazwani Abd Latif, 26, berhubung kematian bapa saudaranya, Allahyarham Kuzaini Hamidon, 47, yang juga Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

Menurutnya, arwah banyak membantu dari segi kewangan ketika dia masih belajar.

“Apa yang saya tahu, bapa saudara pegawai khas mengendalikan Pengurusan Jenazah Covid-19 Berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi’ Cyberjaya 10,” katanya.

Menurutnya, bapa saudaranya dimasukkan ke hospital untuk mendapatkan rawatan kecemasan selepas rebah di kediamannya di Puchong Perdana sebelum meninggal dunia jam 2.45 pagi semalam.

Nur Syazwani berkata, arwah yang mesra dengan panggilan Pak Ngah adalah adik kepada ibunya yang amat ringan tangan dalam membantu ahli keluarga berhadapan kesukaran di kampung.

Katanya, ketika dia masih

Dedikasi Pak Ngah diingati

Wanita kagumi bakti bapa saudara urus jasad Covid-19 terkejut dengan pemergian arwah

menuntut di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), arwah sering membantu dari segi kewangan dan adik beradik lain yang sedang bersekolah.

“Setiap kali bertemu arwah ketika bercuti di kam-



Pemergian arwah amat mengejutkan kerana sepanjang hayatnya beliau sangat menghormati ahli keluarga dan sering membantu ahli keluarga ketika mengalami kesusahan”

Ain Nur Syazwani

pung di Perak, Pak Ngah sering nasihat saya menumpukan pelajaran untuk masa depan.

“Walaupun kini saya sudah bekerja dan menamat-

kan pengajian pada 2019 namun nasihat arwah masih saya ingat dan dijadikan panduan sehingga kini.

“Kali terakhir saya hubungi arwah Mac tahun lalu. Pemergian arwah amat mengejutkan kerana sepanjang hayatnya beliau sangat menghormati ahli keluarga dan sering membantu ahli keluarga ketika mengalami kesusahan,” katanya.

Sementara itu, Yang Di Pertua MPSepang Datuk Abd Hamid Hussain berkata, arwah adalah seorang pegawai yang berdedikasi dan komited dengan kerjanya.

Menurutnya, sebelum ini arwah diberi tugas khas mengendalikan Pengurusan Jenazah Covid-19 Berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi’ Cyberjaya 10 membabitkan jenazah pesakit Covid-19 Hospital Kajang, Hospital Serdang dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM).

“Sejak diberi tugas khas ini arwah sempat mengendalikan 19 jenazah bermula Sabtu lalu. Pemergian Kuzaini kehilangan besar kepada MPSepang dan seluruh warga pihak berkuasa tempatan (PBT) ini,” katanya.





KERATAN AKHBAR

6 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bantuan LZS cukup memadai : Man Kidal
Muka Surat	:	24

Bantuan LZS cukup memadai: Man Kidal

“**Kalau** sudah kembali pulih nanti, kami pun tak nak menyusahkan sesiapa,” kata isteri Man Kidal, Norlaila Yusof yang enggan mengharapkan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dihulurkan sepanjang hayat namun bersyukur dengan kelulusan untuk meletakkan mereka dalam kategori asnaf sementara.

Norlaila berkata, minggu lalu LZS sudah menghulurkan sumbangan secara terus ke akaun bank suaminya dan membayar separuh duit sewa rumah.

“Sebenarnya saya baru menerima panggilan pihak LZS memaklumkan saya akan menerima surat kelulusan dalam waktu terdekat ini untuk mengetahui senarai bantuan yang diberikan.

“Namun saya bersyukur dengan bantuan yang sudah diberi LZS setakat ini kerana ia cukup memadai serta meringankan beban kami sekeluarga yang terkesan akibat Covid-19 ini,” katanya.

Menurut Norlaila, dia bagaimanapun risau dengan keadaan suaminya yang be-

lum pulih sepenuhnya meskipun sudah bebas daripada penyakit berjangkit itu.

“Alhamdulillah, kami berdua bebas daripada Covid-19, tapi keadaan kesihatan suami tidak mengizinkan apabila malam tadi dia pitam dan menggigil.

“Tapi apapun mohon doa-doa semoga abang Man sihat dan dipermudahkan segala urusan,” katanya.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 August 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Segerakan perbicaraan kes rasuah - Sultan Selangor
Muka Surat	:	6

Segerakan perbicaraan kes rasuah – Sultan Selangor



SULTAN SHARAFUDDIN (tengah) dan Tengku Amir (kanan) bersama Azam di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam semalam.

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyeru mahkamah supaya menyegerakan perbicaraan terhadap kes rasuah dan tidak melayani sebarang penangguhan tanpa alasan yang kukuh.

Titah baginda, rakyat sudah muak dan bosan melihat pendakwaan kes rasuah yang berlarutan terlalu lama.

“Beta berharap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dapat melakukan siasatan telus dan teliti supaya pelaku yang dihadapkan ke mahkamah tidak terlepas dengan mudah.

“Beta turut menyasarkan gejala rasuah di Selangor dapat dibanteras sepenuhnya supaya

tidak menjadi masalah lebih besar yang boleh memudaratkan generasi masa hadapan dan merosakkan masyarakat,” titah baginda dalam Facebook rasmi Selangor Royal Office semalam.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan menerima menghadap Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki di Istana Bukit Kayangan di sini.

Turut berangkat, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Pada pertemuan selama dua jam itu, baginda diberi taklimat mengenai peningkatan kes rasuah di negara ini terutama Selangor.

Bulan lalu, Sultan Sharafuddin menitahkan supaya kurniaan

darjah, bintang kebesaran serta pingat negeri bagi pegawai kerajaan dan ahli politik yang didapati melakukan kesalahan rasuah akan ditarik balik.

Baginda menegaskan bahawa pegawai kerajaan di Selangor yang didapati bersalah terlibat dalam aktiviti rasuah atau pecah amanah perlu dikenakan tindakan tatatertib dan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Terdahulu, SPRM menahan dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran di Selangor kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemuja perumahan di kawasan masing-masing.



KERATAN AKHBAR		
6 August 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	JAIS digesa siasat kes kartel jenazah Covid-19
Muka Surat	:	7

Ada waris mangsa dikenakan caj sehingga RM1,800

JAIS digesa siasat kes kartel jenazah Covid-19

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) digesa menyiasat dan segera menghentikan mengenai dakwaan terdapat kartel pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri berkata, ini berikutan masih terdapat aduan waris yang telah menjadi mangsa dikenakan caj RM700 sehingga ada mencecah RM1,800.

Katanya, JAIS sebelum ini mengumumkan pengurusan Jenazah Covid-19 adalah percuma di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang bermula 16 Julai dan seluruh Selangor pada 28 Julai lalu.

“Setiap kali berlaku kematian, emosi waris sangat terganggu dan tidak stabil kerana tidak boleh melihat, cium, mendakap apatah lagi uruskan jenazah sendiri kerana kena patuh dengan arahan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

“Ketika inilah kartel jenazah Covid-19 akan ambil kesempatan menyantuni waris semasa di hospital kerana dalam fikiran waris yang sedang bersedih mereka hanya mahu pastikan jenazah yang disayangi dikebumikan dengan segera,” katanya dalam hantaran di laman Facebook rasminya semalam.



PENGURUSAN jenazah Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Selat Kelang, Klang, Selangor bulan lalu.



KERATAN Kosmo! 22 Julai 2021.

Beliau yang juga Penaung Unit Khas Van Jenazah (UKVJ) memberitahu, pihak tidak bertanggungjawab telah mengenakan caj untuk proses tayamum hanya dilakukan di atas beg mayat di bahagian muka dan dua tangan serta solat jenazah.

Azmizam turut memberikan pengiraan iaitu sebotol debu tayamun adalah pada harga RM15, PPE dan beg mayat percuma

disediakan pihak hospital, namun sekiranya PPE dibeli sendiri adalah berharga RM40 bagi satu set. Manakala solat jenazah adalah ikhlas dan sanitiasi jenazah daripada KKM dengan urusan tersebut hanya mengambil masa lebih kurang 15 minit sahaja.

Mengulas lanjut, beliau berkata, hanya bayaran kubur sahaja perlu dibayar waris kerana bukan di bawah kawalan UKVJ, namun akan dibantu sekiranya waris golongan asnaf atau benar-benar tidak berkemampuan.

Kosmo! sebelum ini melaporkan kadar kematian yang tinggi akibat jangkitan Covid-19 khususnya di Selangor menyebabkan ada pihak yang didakwa cuba mengaut keuntungan dengan mengenakan caj yang tinggi untuk menguruskan jenazah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 August 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pengendali urusan jenazah Covid-19 meninggal dunia
Muka Surat	:	7

Pengendali urusan jenazah Covid-19 meninggal dunia

CYBERJAYA – Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Kuzaini Hamidon, 47, meninggal dunia di Hospital Putrajaya kerana kegagalan fungsi organ semalam.

Allahyarham yang juga pegawai khas mengendalikan pengurusan jenazah Covid-19 berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi, Cyberjaya 10, dimasukkan ke hospital selepas rebah di kediamannya di Puchong Perdana semalam.

Bagaimanapun, Allahyarham disahkan meninggal dunia pada 2.45 pagi ketika menerima rawatan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang),



KUZAINI

Datuk Abd. Hamid Hussain berkata, Allahyarham seorang pegawai yang berdedikasi dan komited dengan kerjanya sejak mula bertugas di MPSepang sejak tahun 2012.

Menurutnya, Allahyarham telah diberikan tugas khas untuk mengendalikan pengurusan Jenazah Covid-19 berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi' membabitkan jenazah pesakit Covid-19 daripada Hospital Kajang, Hospital Serdang dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia.

"Sejak diberikan tugas khas itu, Allahyarham sempat menguruskan 19 jenazah bermula Sabtu lalu.

"Pemergian Kuzaini satu kehilangan besar kepada MPSepang dan seluruh warga pihak berkuasa tempatan ini," katanya.

Allahyarham, meninggalkan isteri, Nor Azean Ahmad, 44, dan tiga orang anak.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 6 August 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Aksi import bantu TFC menang
Muka Surat	:	33

Aksi import bantu TFC menang

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

KETUA jurulatih Terengganu FC (TFC), Nafuzi Zain mengakui tiga pemain importnya memainkan peranan penting dalam mengawal persembahan pasukan ketika meraih kemenangan 3-0 ke atas Petaling Jaya City dalam aksi Liga Super kelmarin.

Kata Nafuzi, gandingan tiga pemain import iaitu Dechi Marcel, Makan Konate dan Habeeb Haroon di jentera tengah dianggap sebagai nadi utama yang sentiasa bijak mengawal corak permainan untuk membantu rakan sepasukan baik di pertahanan dan serangan.

"Bagi saya, bahagian tengah merupakan enjin kepada pasukan kerana kalau mereka dapat bermain dengan baik, yang lain juga akan dapat beri persembahan yang baik.

"Ketiga-tiga pemain ini memang penting kerana mereka dapat mengawal corak permainan, menggerakkan pasukan dan membantu juga dari segi berta-

han dan menyerang. Jadi, mereka betul-betul mainkan peranan untuk pasukan.

"Apa-apa pun, tahniah saya ucapkan kepada semua pemain yang bekerja keras dan berusaha untuk menambah gol sehingga ke penghujung perlawanan.

"Pujian juga wajar diberikan kepada penyerang kami, David Da Silva yang turut mempamerkan aksi berkualiti serta menjadi tunjang pasukan dan saya harap momentum diteruskan untuk aksi akan datang," katanya selepas tamat perlawanan.

Pada aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya itu, skuad Nafuzi Zain yang sebelum ini gagal meraih kemenangan dalam dua aksi lepas berjaya meraih gol hasil ledakan Marcel, Da Silva dan Mohd. Rahmat Makasuf.

Sementara itu, pengendali PJ City, P. Maniam mengakui kepenatan mengharungi jadual padat menjadi salah satu punca kenapa pasukannya gagal mempamerkan aksi konsisten ketika ini termasuk gagal menyaingi kehebatan TFC.



TFC berjaya meraih mata penuh selepas menundukkan PJ City pada aksi yang berlangsung di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin. - FB TERENGGANU FOOTBALL CLUB



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

6 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pegawai khas urus jenazah Covid meninggal
Muka Surat	:	14

Pegawai khas urus jenazah Covid meninggal

CYBERJAYA - Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Kuzaini Hamidon, 47, meninggal dunia di Hospital Putrajaya dipercayai disebabkan kegagalan fungsi organ pada Khamis.

Kuzaini dimasukkan ke hospital selepas rebah di kediamannya dekat Puchong Perdana pada Rabu sebelum meninggal dunia pada jam 2.45 pagi semalam.

Bapa kepada tiga anak itu memulakan tugas di MPSepang sejak 2012. Allahyarham juga merupakan pegawai khas mengendalikan Pengurusan Jenazah Covid-19 Berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi' Cyberjaya 10.

Sementara itu, Yang Dipertua MPSepang, Datuk Abd Hamid Hussain, menyifatkan Allahyarham seorang pegawai yang berdedikasi dan komited kepada kerjaya.

Menurut beliau, sebelum ini Allahyarham diberikan tugas khas mengendalikan Pengurusan Jenazah Covid-19 Berpusat di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi', Cyberjaya 10 bagi jenazah pesakit Covid-19 dari Hospital Kajang, Hospital Serdang dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM).

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan USJ 22, Subang Jaya selepas semua proses pengurusan dan dokumentasi selesai.



KERATAN AKHBAR

6 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kaut untung caj mahal urus jenazah Covid-19
Muka Surat	:	25

Kaut untung caj mahal urus jenazah Covid-19

Kartel jenazah diingatkan tidak ambil kesempatan, JAIS digesa siasat segera

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Pihak yang menguruskan jenazah Covid-19 di Selangor diingatkan tidak mengambil kesempatan dengan mengenakan caj sehingga RM1,800 bagi kos pengurusan mayat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri berkata, beliau menerima aduan daripada waris yang mendakwa kos pengurusan mayat pesakit Covid-19 terlalu tinggi dan membebankan.

Menurut beliau, harga sebotol debu tayamum misalnya RM15 sahaja, tetapi pihak terbabit mengenakan caj tinggi kepada waris.

“Malah beg mayat yang digunakan bagi menggantikan kain kafan dan PPE (pakaian perlindungan diri) disediakan pihak hospital secara percuma,” katanya yang memuat naik status di Facebook beliau pada Rabu.

Selain itu, katanya, sanitasi jenazah pula dilakukan pihak



Azmizam yang lengkap berpakaian PPE menunjukkan botol debu tayamum yang boleh didapati pada harga RM15.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Jelas beliau, setiap kali berlaku kematian akibat Covid-19,

emosi waris sangat terganggu dan tidak stabil kerana tidak boleh melihat, mencium, mendakap apatah lagi menguruskan jenazah berikutan prosedur operasi standard (SOP) daripada KKM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Semasa inilah kartel jenazah Covid-19 mengambil ke-

sempatan mendekati waris semasa di hospital kerana dalam fikiran waris yang sedang bersehid mereka hanya mahu memastikan jenazah disayangi dikebumikan pada kadar segera,” katanya.

Justeru, katanya, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diminta menyasiat segera perkara itu dan menghentikan aktiviti terbabit daripada terus berleluasa.

“Kartel jenazah Covid-19 jangan berselindung di sebaik nama tauliah JAIS dan JAKIM. Tolong jangan malukan agama Islam,” katanya.



KERATAN AKHBAR

6 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ketetapan baharu JAIS isu jenazah disambut baik
Muka Surat	:	25

Ketetapan baharu JAIS isu jenazah disambut baik

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyambut baik ketetapan baharu yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berhubung pengurusan jenazah Covid-19 di negeri ini.

Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, langkah itu adalah tepat selaras dengan hasrat kerajaan negeri bagi memastikan JAIS dapat melaksanakan pengurusan jenazah Covid-19 berkenaan dengan lancar.

Beliau berkata, semua pihak perlu menghormati penetapan berkenaan yang juga selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 14 Julai lalu.

“JAIS diminta untuk mengetuai dan menyelaraskan tindakan bersama agensi dan pihak berkaitan untuk memuktamadkan jalan penyelesaian terbaik berhubung pengurusan jenazah Covid-19 ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Selasa lalu, JAIS memutuskan untuk meneliti, menilai dan menstruktur semula peranan serta penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) Islam dalam pengurusan jenazah Covid-19 di negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, ketetapan itu dibuat setelah beberapa isu berbangkit melibatkan NGO berikutan kes jenazah yang mengambil masa lama untuk diuruskan di beberapa hospital di Selangor.

Dalam pada itu, Mohd Zawawi berkata, kerajaan negeri percaya kerjasama semua pihak dalam perkara ini akan memberi kesan yang baik khususnya melibatkan pengurusan jenazah Covid-19 di negeri itu.

“Langkah-langkah telah diambil bagi memastikan urusan kematian akibat Covid-19 dapat berjalan dengan baik dan sempurna,” katanya.



KERATAN AKHBAR 6 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tular lelaki warga asing pakai gelang kuarantin ke tempat kerja
Muka Surat	:	25

Tular lelaki warga asing pakai gelang kuarantin ke tempat kerja

KUALA SELANGOR - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) digesa melakukan pemantauan dan operasi menyeluruh berhubung video tular seorang warga asing memakai gelang kuarantin yang mendakwa ingin ke tempat kerja.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Mohd Shaid Rosli berkata, perkara itu perlu dipandang serius bagi mengawal penularan jangkitan Covid-19.

“MDKS tolong buat operasi (mana-mana pekerja yang memakai gelang kuarantin dibenarkan bekerja),” katanya yang memuat naik status, gambar dan video di Facebook beliau pada Khamis.

Menerusi tangkap layar dimuat naik di Facebook Mohd Shaid itu, seorang individu menghantar aplikasi WhatsApp memaklumkan terserempak dengan seorang lelaki warga asing yang ingin masuk ke kilang.

Lelaki itu didakwa cuba melindungi gelang dipakai dengan menutupnya dengan ker-



Mohd Shaid memuat naik status di Facebook beliau pada Khamis.

tas.

Menerusi video berdurasi 24 saat itu, terdengar suara seorang wanita menegur lelaki itu yang memintanya tidak terus bekerja kerana memakai gelang kuarantin.

Setelah ditegur, lelaki itu kemudian beredar dan dipercayai membatalkan hasratnya ke tempat kerja.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 August 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Jangan Layan Alasan Tangguh Kes Rasuah
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 August 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Perbicaraan Kes Rasuah Harus Disegerakan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
6 August 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Risky stretch on jalan sungai long needs urgent repair
Muka Surat	:	2



This site along Jalan Sungai Long is said to be an accident-prone area.

Risky stretch on Jalan Sungai Long needs urgent repair

By CY LEE
 chenyooong@thestar.com.my

A PARTICULAR stretch of road along Jalan Sungai Long in Kajang, Selangor, has motorists worried as at least four accidents have taken place there over one weekend.

The 300m portion of road, which runs below SILK highway, is used by those heading towards and exiting from Cheras-Kajang Highway.

Residents living in an apartment overlooking that part of the road said several accidents had occurred there in the past two months.

An incident on Tuesday was caught by a vehicle's dash camera, showing a pick-up truck losing control at the underpass just as it started to head downhill.

When contacted, Kajang Municipal (MPKj) councillor Lim Keng Eng said she had alerted the local council on the rise of accidents in that location and urged those who had been involved in accidents there to report the incident to MPKj.

Taman Taming Indah Residents Association vice-president Wong Yap Seng said there had been many posts in a residents' chat group about accidents happening at the site in the past two months that they believed were linked to oil slicks.

"The road surface doesn't look uneven. But when it rains, it is definitely slippery," said Wong.

Another Sungai Long resident, Roger Samuel said he spotted MPKj officers at the site of the accident on Tuesday.

"I hope they will act quickly and get the road resurfaced properly as it may get worse with the rainy spell now," he said, noting that accidents were not uncommon along the road. He moved to the township 10 years ago.

"That is an accident-prone area and residents here usually know to slow down on this stretch," said Samuel.

"The roads have black patches which look very slippery when wet and do not seem to wash off even after it rains.

